

Penduduk khuatir tebing Sungai Keladi terhakis

PADANG SERAI – Enam keluarga 28 orang di Jalan Sekolah, Kampung Keladi dekat Kulim, Kedah kini hidup dalam kebimbangan berikutan tebing sungai berhampiran kediaman mereka semakin teruk mengalami hakisan tebing.

Jarak tebing Sungai Keladi dengan enam buah rumah yang terletak atas tanah lot milik individu itu adalah antara satu hingga enam meter sahaja dari tebing sungai.

“Sejak tahun 2003, tebing sungai itu terhakis dan melebar menyebabkan jarak asal tapak simpanan sungai yang dasarnya hampir 10 meter tinggal se-meter sahaja,” kata seorang penduduk, Sayang Othman, 35, di sini semalam.

Penyelaras kawasan Dewan Undangan Negeri Lunas, S. Ananthan berkata, beliau akan membincangkan kesulitan keluarga terbabit dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Katanya, kerajaan negeri sepatutnya membantu keluarga terbabit memandangkan bulan Oktober hingga Disember adalah musim tengkujuh dan kawasan itu sering dilanda banjir.

Sementara itu, jurutera JPS Daerah Kulim/Bandar Baharu, Azli Ayub ketika dihubungi menjelaskan peruntu-



SAYANG (kanan) menunjukkan lokasi tebing bersebelahan dengan rumahnya yang mengalami hakisan teruk di Padang, Kedah semalam. Di sebelahnya ialah S. Ananthan.

kan jabatannya amat terbatas dan tindakan susulan hanya boleh dilakukan setelah mendapat pembiayaan tambahan.

“Pihak kami akan cuba mendapat-

kan peruntukan tambahan daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur untuk merancang dan mengatasi masalah tebing sungai itu,” katanya. – Bernama